




# IKHLAS Saving Prime Takaful

Menunaikan Matlamat Kewangan Anda



Takaful IKHLAS merupakan ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang layak dibayar di bawah Sijil Takaful ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga hadnya. Sila rujuk Risalah TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas Family Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

**Kami Melindungi Anda**

## Capai Impian Anda

Bukanlah sesuatu yang mustahil untuk anda mencapai impian dan cita-cita. **IKHLAS SAVINGS PRIME TAKAFUL** merupakan pelan simpanan yang menyediakan dana simpanan yang membantu anda menyimpan secara sistematik untuk mengoptimumkan kadar pulangan pelaburan anda secara selamat.

Realisasikan impian dan capai cita-cita anda kerana anda tahu, walau apa pun terjadi, simpanan anda untuk mereka yang tersayang terjamin.

## Apakah Perlindungan **IKHLAS SAVINGS PRIME TAKAFUL**?

Pelan ini menggunakan dua (2) elemen utama iaitu Tahap Perlindungan Bertempoh dan Akaun Pelaburan. Pelan ini memberi perlindungan ke atas manfaat-manfaat berikut:

### 1. **Manfaat Kematian atau Keilatan Kekal Menyeluruh (TPD)**

*(Manfaat Takaful ini dijamin oleh Dana Risiko)*

- Pelan ini akan memberi perlindungan sekiranya berlaku kematian atau TPD terhadap Peserta Takaful sebelum tempoh matang Sijil Takaful. Amaun Perlindungan beserta jumlah terkumpul di dalam Akaun Pelaburan Peribadi (PIA), termasuk pendapatan pelaburan dari PIA dan lebihan boleh-agih bersih daripada Dana Risiko akan dibayar kepada waris Peserta Takaful, keluarga terdekat (untuk kes kematian) atau Peserta Takaful (untuk kes TPD).

### 2. **Manfaat Kematian atau TPD semasa dalam perjalanan menggunakan kenderaan awam atau sebagai mangsa daripada perbuatan jenayah**

*(Manfaat Takaful ini dijamin oleh Dana Risiko)*

- Sekiranya berlaku kematian atau TPD terhadap Peserta Takaful disebabkan oleh kemalangan semasa dalam perjalanan menggunakan kenderaan awam atau sebagai mangsa tindakan jenayah, dua (2) kali Amaun Perlindungan beserta jumlah terkumpul di dalam PIA, termasuk pendapatan pelaburan dari PIA dan lebihan boleh-agih bersih daripada Dana Risiko, akan dibayar kepada waris Peserta Takaful, keluarga terdekat (untuk kes kematian) atau Peserta Takaful (untuk kes TPD).

### 3. **Manfaat Serahan Sijil Takaful**

*(Manfaat ini tidak dijamin)*

- Apabila Sijil Takaful diserahkan, Peserta Takaful akan menerima jumlah terkumpul di dalam PIA, termasuk pendapatan pelaburan dari PIA dan lebihan boleh-agih bersih daripada Dana Risiko, jika ada, setelah ditolak caj serahan seperti yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful.

### 4. **Manfaat Matang**

*(Manfaat Takaful ini dijamin oleh Dana Risiko)*

- Apabila Sijil Takaful telah mencapai tempoh matang, Peserta Takaful akan menerima jumlah terkumpul di dalam PIA, termasuk pendapatan pelaburan dari PIA dan lebihan boleh-agih bersih daripada Dana Risiko, jika ada.

## **Mengapa *IKHLAS SAVINGS PRIME TAKAFUL*?**

### 1. **Pengeluaran Wang Tunai**

- Pengeluaran sebahagian wang tunai boleh dilakukan daripada PIA setelah Sijil Takaful berkuatkuasa untuk tempoh minimum selama lima (5) tahun.
- Hanya lima (5) pengeluaran sahaja dibenarkan sepanjang tempoh Sijil Takaful, dengan jarak minimum di antara pengeluaran ialah dua (2) tahun. Yuran pengeluaran seperti yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful, akan dikenakan ke atas PIA bagi setiap pengeluaran.

### 2. **Penambahan Kadar Sumbangan Takaful**

- Sumbangan Takaful boleh ditambah pada hari pertama Sijil Takaful berkuatkuasa sekiranya Sumbangan Takaful tahun itu tidak tertunggak. Jumlah penambahan minimum adalah sebanyak RM 50 di mana jumlah ini akan dimasukkan sepenuhnya ke dalam PIA Peserta Takaful.

### 3. **Peruntukan Lien**

- Sekiranya berlaku kematian atau TPD sebelum Peserta Takaful berumur lima (5) tahun pada harijadi berikutnya, dan tertakluk kepada terma dan syarat-syarat Sijil Takaful, Amaun Perlindungan akan dibayar mengikut jadual berikut:

Umur Semasa Kematian/ HUMK (Hari Jadi Akan Datang)	Peratusan dari Manfaat Dibayar
1 tahun	20%
2 tahun	40%
3 tahun	60%
4 tahun	80%
5 tahun dan ke atas	100%

## Syarat & Had Umur

**Umur Kemasukkan :** 30 hari - 60 tahun, umur pada harijadi akan datang, lelaki / perempuan. Perlindungan TPD hanya boleh didapati untuk Peserta Takaful di bawah umur 65 tahun.

**Amaun Perlindungan :** Minimum  
RM10,000.00

Maksimum  
Tertakluk kepada keputusan pengunderaitan (Bagi Peserta Takaful yang berumur kurang daripada 14 tahun, Amaun Perlindungan maksimum adalah RM150,000.00).

**Jumlah Sumbangan Takaful :** Minimum  
RM600.00

Maksimum  
Tertakluk kepada kelulusan pengunderaitan

**Umur Matang :** Sehingga 75 tahun, umur pada harijadi akan datang.

**Tempoh Perlindungan :** Minimum  
5 tahun (Untuk Peserta Takaful di bawah umur 14 tahun, umur matang minimum ialah 19 tahun).

Maksimum  
74 tahun.

**Kami Melindungi Anda**

## Mengapa Takaful Ikhlas Family Berhad?

Takaful Ikhlas Family Berhad didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Operasi perniagaan dan pengurusan kami adalah berlandaskan kepada prinsip Syariah. Kami memberikan keutamaan dalam memastikan kesemua urusan perniagaan kami adalah berasaskan kesaksamaan dan keadilan kerana kami berpegang kepada falsafah “kemudahan berurusan” dengan semua rakan perniagaan kami terutamanya – Pelanggan kami.

Sejajar dengan perkembangan perkhidmatan perlindungan kewangan Islam di peringkat antarabangsa dan tempatan, pihak Syarikat telah memilih kontrak Wakalah sebagai model dalam membentuk asas operasi kami. Wakalah adalah satu bentuk hubungan perwakilan di antara pihak Syarikat dan seseorang Peserta Takaful (Prinsipal/Pelanggan).

Pihak Syarikat menggunakan kontrak berikut sebagai garis panduan perniagaan kami:

- *Tabarru'* – adalah derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, *Tabarru'* akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.
- *Wakalah* – bermaksud kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful dan yuran Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

## Gross Annual Takaful Contribution Rate

(Based on Sum Covered RM 10,000)

Gross Annual Takaful Contribution varies depending on the underwriting requirements, age, term and Sum Covered (SC) applied

Contohnya:

Umur	Kadar Sumbangan Takaful (RM10,000 Amaun Perlindungan)	
	Tempoh = 10 Tahun	Tempoh = 25 Tahun
5	RM75.40	RM102.20
15	RM86.50	RM102.20
25	RM164.00	RM222.10
35	RM164.00	RM253.00
45	RM238.00	RM478.10

*Kadar tersebut mengandaikan bahawa Peserta Takaful yang dicadangkan tiada kecacatan perubatan/kesihatan, risiko pekerjaan atau tabiat yang mungkin memerlukan Sumbangan Takaful tambahan.*

## **Caj-caj Yang Terdapat Pada *IKHLAS SAVINGS PRIME TAKAFUL***

- Yuran pengurusan sebanyak RM72 akan dikenakan setiap tahun terhadap setiap Peserta Takaful di bawah Sijil Takaful ini. Setiap transaksi penambahan ke atas Sumbangan Takaful akan dikenakan yuran sebanyak 5.25% ke atas jumlah kasar penambahan Sumbangan Takaful.
- *IKHLAS SAVINGS PRIME TAKAFUL* adalah berasaskan kepada Model Wakalah di mana pihak Syarikat akan mengenakan caj Yuran Wakalah daripada Sumbangan Takaful bagi tujuan mentadbirkan perniagaan.

Tahun	1	2	3	4	5	6	7 tahun ke atas
Wakalah Fee	83.00%	66.50%	44.25%	42.75%	27.25%	27.25%	16.50%

*Jika tempoh perlindungan adalah kurang daripada 20 tahun, pihak Syarikat akan mengurangkan caj Wakalah sewajarnya.*

- Yuran Serahan sehingga RM50.

# Pengecualian

## A) PENGECUALIAN AM

### 1. Pengecualian Ke Atas Kematian

- Tiada manfaat akan dibayar sekiranya berlaku kematian kepada Pemilik Sijil Takaful atau Peserta Takaful atau kedua-duanya jika kematian tersebut adalah disebabkan oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), atau penyakit kelamin yang lain.

### 2. Bunuh Diri

- Sekiranya Peserta Takaful, secara sedar atau tidak, membunuh diri di dalam tempoh satu tahun bermula dari tarikh Sijil Takaful berkuatkuasa, maka dengan sendirinya Sijil Takaful ini akan terbatal dan tidak sah dan Syarikat akan memulangkan baki yang terdapat di dalam PIA.

## B) PENGECUALIAN BAGI KEILATAN KEKAL MENYELURUH (TPD) MANFAAT TPD TIDAK AKAN DIBERIKAN, SAMADA SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG DARI MANA-MANA SATU (1) KEJADIAN YANG BERIKUT:

1. Peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, permusuhan ataupun operasi seperti peperangan (samada diisytihar atau tidak) atau perang saudara;
2. Pemberontakan, rusuhan, pemberontakan tentera atau orang awam, insureksi, penentangan, revolusi, perintah berkurung atau darurat atau apa-apa jua peristiwa ataupun penyebab yang boleh menentukan pengisytiharan ataupun penyelenggaraan perintah berkurung ataupun darurat;
3. Sebarang kegiatan keganasan. Untuk tujuan ini kegiatan keganasan bermaksud perlakuan atau perbuatan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada penggunaan sebarang kuasa atau kekerasan atau kekejaman dan atau ancaman, oleh mana-mana orang perseorangan atau berkumpulan, sama ada bertindak secara persendirian atau bersandarkan perhubungan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan melakukannya di atas dasar politik, keagamaan, ideologi atau sebarang tujuan yang menyerupainya termasuklah sebarang niat mempengaruhi sebarang kerajaan atau organisasi dan atau menyebabkan pihak awam, atau sebahagian darinya berada di dalam ketakutan;

4. Disebabkan oleh atau lanjutan daripada bunuh diri atau cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau di bawah pengaruh alkohol atau narkotik atau dadah atau ketidaksiaman atau disebabkan oleh penyakit kelamin;
5. Ketidakupayaan yang ditanggung oleh Peserta Takaful apabila melibatkan diri, mengendalikan atau melakukan servis, menaiki atau menuruni daripada atau dengan sebarang alat penerbangan atau kenderaan termasuk terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, peluncuran gantung atau belon udara kecuali apabila Peserta Takaful atau Pemilik Sijil Takaful berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan komersil dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan;
6. Keilatan bermula sebelum penerimaan perlindungan;
7. Sebarang ketidakpatuhan undang-undang oleh Peserta Takaful atau kesalahan yang dicetuskan olehnya;
8. Terlibat dalam sebarang aktiviti dalam air yang menggunakan alat pernafasan tiruan;
9. Kecederaan yang disebabkan oleh pembelahan nuklear, percantuman nuklear, alat senjata nuklear atau pencemaran radioaktif;
10. Sindrom Kekurangan Daya Ketahanan Melawan Penyakit (AIDS) dan sebarang keadaan yang berkaitan dengan AIDS.

## **Rider Yang Boleh Dilampirkan Dengan *IKHLAS SAVINGS PRIME TAKAFUL***

1. *IKHLAS* Accidental Death and Disability Secure Takaful Rider
2. *IKHLAS* Comprehensive Personal Accident Benefit Secure Takaful Rider
3. *IKHLAS* Critical Illness Secure Takaful Rider
4. *IKHLAS* Family Income Secure Takaful Rider
5. *IKHLAS* Hospital Benefit Secure Takaful Rider
6. *IKHLAS* Immediate Death Expenses Secure Takaful Rider
7. *IKHLAS* Payor Savings Secure Takaful Rider
8. *IKHLAS* Regular Top-up Secure Takaful Rider
9. *IKHLAS* Term Secure Takaful Rider
10. *IKHLAS* Waiver of Contribution Secure Takaful Rider
11. *IKHLAS* Individual Family Medical Secure Takaful Rider

***Kami Melindungi Anda***

## Nota Penting

1. Anda perlu meyakinkan diri anda bahawa pelan ini dapat memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan bahawa Sumbangan Takaful yang perlu dibuat di bawah pelan ini merupakan jumlah yang mampu anda sertai.
2. Anda perlu menyemak Ilustrasi Manfaat dan Helaian Keterangan Produk sebelum menyertai pelan ini.
3. Peserta Takaful diberikan masa lima belas (15) hari tempoh Khyiar daripada tarikh Sijil Takaful diterima untuk memastikan kesesuaian dari penyertaan BARU pelan ini. Perbelanjaan yang ditanggung untuk pemeriksaan perubahan akan ditolak/diambil daripada Sumbangan Takaful yang dibayar.
4. Selepas bayaran Sumbangan Takaful pertama, kegagalan pembayaran Sumbangan Takaful seterusnya kepada Syarikat pada tarikh akhir atau dalam tempoh ehsan akan dianggap sebagai tertunggak.
5. Sekiranya tiada Sumbangan Takaful selepas tamat tempoh ehsan, Syarikat mempunyai hak seperti yang dipersetujui di dalam Aqad untuk menggunakan nilai yang ada sebagai pendahuluan untuk bayaran Tabarru' dan Sijil Takaful akan dikuatkuasakan "di bawah PIA" sehingga jumlah PIA berkurangan dari jumlah yang diperlukan untuk bayaran Tabarru'. Semasa tempoh ini Sijil Takaful masih lagi berkuatkuasa dan sekiranya Sumbangan Takaful masih belum dijelaskan selepas jumlah PIA tidak mencukupi untuk membuat bayaran pendahuluan seterusnya, Sijil Takaful akan lupus dan tidak mempunyai nilai.
6. Syarikat berhak menolak sebarang tuntutan sekiranya Peserta Takaful gagal memberi maklumat-maklumat yang relevan yang akan memberi kesan kepada Syarikat untuk membuat keputusan untuk menerima ataupun menolak sebarang risiko yang dicadangkan dan juga Sumbangan Takaful dan terma-terma yang sepatutnya dikenakan ke atas Peserta Takaful.
7. Risalah ini menyatakan maklumat am sahaja. Ini bukan kontrak Takaful. Syarat-syarat tidak dinyatakan secara terperinci. Sila rujuk kontrak Sijil Takaful untuk maklumat penting.

8. Sijil Takaful ini tidak menyatakan sebarang jumlah manfaat daripada Dana Risiko seandainya pembatalan, matang atau Sijil Takaful tamat tempoh berlaku.
9. Manfaat daripada PIA adalah berasaskan pada nilai prestasi sebenar dana dan ia adalah tidak dijamin. Pendapatan pelaburan sebenar boleh berubah-ubah mengikut keadaan pasaran. Oleh itu, baki boleh meningkat naik atau menjadi kurang daripada jumlah Sumbangan Takaful yang telah dibuat ke dalam PIA (berkemungkinan boleh menyebabkan peluputan Sijil Takaful sebelum tempohnya).
10. Bagi sebarang keuntungan pelaburan yang diperolehi daripada PIA, jika ada, akan dipulangkan kepada Peserta Takaful (melalui PIA) ditolak 30% daripada keuntungan pelaburan sebagai Yuran Prestasi Pelaburan. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh, mengikut budi bicara mengenakan caj kurang daripada 30% daripada keuntungan pelaburan sebagai Yuran Prestasi Pelaburan. Pihak Syarikat juga akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada sebarang lebihan boleh-agih kasar yang diisytiharkan pada akhir setiap Tahun Kewangan Syarikat. Lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan sepenuhnya (100%) kepada Peserta Takaful.
11. Risiko daripada dana pelaburan akan ditanggung oleh Peserta Takaful dan faedah berkemungkinan adalah kurang daripada jumlah Sumbangan Takaful kepada dana pelaburan tersebut.
12. Jumlah yang akan dikecualikan daripada cukai pendapatan untuk Sumbangan Takaful adalah sehingga RM6,000. Walau bagaimanapun ia adalah tertakluk kepada persetujuan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
13. Untuk maklumat lanjut, anda boleh merujuk kepada buku insuranceinfo mengenai Takaful Keluarga yang boleh didapati di semua cawangan kami ataupun anda boleh memperolehinya daripada wakil Takaful kami atau lawati [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).
14. Caj-caj yang dikenakan oleh pihak Syarikat untuk setiap produk dan perkhidmatan mungkin tertakluk kepada sebarang cukai, levi atau caj yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia pada kadar semasa kecuali dinyatakan sebaliknya.

**Nota Pengecualian:**

**Risalah ini tidak membentuk kontrak. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk butiran penuh.**

**Kami Melindungi Anda**



## **TAKAFUL IKHLAS FAMILY BERHAD** **(20020105412) (593075-U)**

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam  
2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

### **IKHLAS Point**

Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

 : 03-27239696

 : [www.takaful-ikhlas.com.my](http://www.takaful-ikhlas.com.my)

 : 03-27239998

 : [ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my](mailto:ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my)

***Kami Melindungi Anda***